

Sukan

SEKITAR KEJOHANAN PARA ATLETIK NASIONAL KE-43

*Lebih 200 atlit kurang upaya beradu tenaga dalam lebih 70 acara di Kejohanan Para Atletik Nasional yang berlangsung di Stadium Toa Payoh baru-baru ini. Kejohanan ini, yang memasuki tahun ke-43, adalah antara acara utama dalam kalendar tahunan Majlis Sukan Kurang Upaya Singapura (SDSC). Acara tahun ini lebih istimewa lagi bukan sahaja ia diadakan sempena sambutan jubli emas negara, malah menjadi 'medan' kelayakan untuk mendapat tempat dalam kontinjen negara yang akan mengambil bahagian dalam Sukan Para Asean yang akan dianjurkan buat julung-julung kalinya di Singapura pada 3-9 Disember ini. **ANWAR YAHYA (anwar@sph.com.sg)** menyorot babak-babak penuh inspirasi di sekitar Kejohanan Para Atletik Nasional Ke-43 ini.*

Kekurangan bukan hambatan

LARIAN SI CILIK:

Atlit muda yang mengalami masalah penglihatan, Tony Wang, daripada iC2 PrepHouse, memecut laju dengan bantuan 'pemandunya' (*kanan*) yang berlari di sebelahnya. – Foto LAWRENCE LOH

